

Memandangkan proses pengimbuhan sama, maka proses pengimbuhan awalan peN- dapat didasarkan pada proses pengimbuhan awalan meN- termasuk pengecualiannya. Dapat disimpulkan bahawa proses pengimbuhan:

meN- = peN-



Latihan Pengukuhan

A. Pilih jawaban yang paling sesuai.

- Beberapa orang _____ binatang ditahan pihak berkuasa kerana tiada permit berburu.
A penburu **B** pemburu
- Setiap _____ perlu bersabar semasa menjalankan aktiviti penternakan mereka.
A penternak **B** penernak
- Beliau telah terpilih sebagai _____ terbaik pada peringkat daerah ini.
A pentakbir **B** pentadbir
- Para _____ darah diseru agar melakukan pendermaan darah pada setiap tahun.
A penerima **B** penderma
- Semua agama menyeru _____ melaksanakan ajaran agama yang dianuti.
A pengganutnya **B** penganutnya
- Alat yang dikenali sebagai _____ digunakan untuk mengorek lubang itu.
A pengali **B** penggali
- Sebagai _____ sate, kami sering ke Kajang untuk menikmati keenakannya.
A penggemar **B** penggemar
- Pihak polis telah menahan beberapa orang yang disyaki _____ berani mati.
A pengebom **B** penggebom
- Ayah menggunakan _____ yang sangat tajam untuk menebuk lubang pada kayu itu.
A pemahat **B** pempahat
- Sebagai _____ profesional, bayaran yang dikenakan agaknya tinggi.
A pentari **B** penari